


# Asas generasi bertakwa

Harian Metro 12/05/2010 M/S 20

Keutamaan terhadap keperluan anak-anak serta pembahagian tugas suami isteri kunci kebahagiaan keluarga



OLEH  
DR AMINUDIN  
MANSOR

**S**ECARA umum institusi kekeluargaan di negara ini masih rapuh. Kerapuhan ini disebabkan beberapa faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi sesebuah keluarga berkenaan.

Pelbagai kesan dapat dilihat antaranya banyak berlaku perceraian dalam kalangan keluarga dan semakin bertambahnya kes penderaan bayi sejak akhir-akhir ini.

Selain itu, pendidikan anak-anak juga terabai disebabkan oleh ibu bapa sibuk bekerja mencari nafkah.

Kesibukan ini juga menyebabkan kerapuhan dan kelonggaran dalam ikatan kekeluargaan. Anak-anak tidak mendapat kasih sayang dan pendidikan sepenuhnya.

Ingatlah, anak adalah harta dan amanah yang tak ternilai harganya.

Didiklah anak-anak dengan nilai-nilai murni, akhlak mulia di sekolah dan di rumah. Usaha itu amat penting dalam meneruskan pembangunan akal budi bangsa dan negara.

Manusia yang terdidik dengan budi luhur akan dapat melancarkan dan membantu pembangunan moral, mate-

rial dan spiritual. Anak-anak yang terdidik akal budi akan membentuk peribadinya yang mulia.

Antara faktor dalaman iaitu kurang didikan agama dan pendidikan kekeluargaan bagi pasangan yang ingin berkahwin. Mereka yang berkahwin tidak tahu dan tidak faham akan tanggungjawab sebagai ibu atau bapa. Tiada persiapan ekonomi juga menyebabkan pasangan akan menghadapi masalah kewangan setelah berkahwin.

Manakala faktor luaran iaitu pasangan terpengaruh dengan gaya hidup bebas. Selain itu, tekanan hidup dan masalah kewangan dihadapi lelaki.

Ada juga kalangan isteri yang bekerja dan berpendapatan berasa mereka sudah mampu hidup sendiri dan lupa tanggungjawab sebagai isteri. Tekanan perasaan di tempat kerja di bawa balik ke rumah dan anak-anak menjadi mangsa untuk melepaskan kemarahan.

Faktor-faktor itu menyebabkan institusi kekeluargaan menjadi rapuh. Tiada rasa kasih sayang antara suami isteri dan anak-anak yang masih kecil. Hubungan kasih sayang dan tanggungjawab dalam keluarga wajar diperkukuhkan sebelum kedua-dua pasangan suami isteri melangsungkan perkahwinan.



**BAHAGIA...**melalui perkahwinan yang sah, suami dan isteri yang bekerja mempunyai peranan masing-masing dalam rumah tangga.

Dalam mendirikan rumah tangga, bukan hanya berdasarkan cinta semata-mata. Adat dan budaya seperti merisik, meminang dan mengadakan majlis perkahwinan wajar dipertahankan kerana melaluinya kedua-dua pasangan dapat merasakan betapa payah untuk mendirikan sebuah rumah tangga.

Selain itu, kedua-dua pihak dapat mengetahui latar belakang keluarga dan pasangan yang akan berkahwin.

Rasulullah bersabda bermaksud; "Apabila datang lelaki (untuk meminang) yang kamu reda agamanya dan

akhlaknya maka kahwinkan dia dan jika tidak kamu lakukan akan terjadi fitnah di muka bumi dan kerosakan yang meluas." (Riwayat Tirmizi dan Ahmad).

Dalam hal ini, kahwinkan seorang wanita itu dengan lelaki yang bertakwa kepada Allah. Jika ia mencintai wanita ia akan menghormatinya dan jika dia tidak mencintainya, ia tidak menganiaya wanita itu.

Oleh itu, lelaki yang akan menjadi suami juga mestilah beriman dan bertakwa bagi memperkukuh dan memperkasa sesebuah keluarga.

Keluarga adalah inti peradaban bangsa dan negara. Usahakan membina keluarga bahagia berlandaskan keagamaan dan keimanan untuk selamat di dunia dan akhirat.

Setiap anak mempunyai hak bagi mendapat dua hal, iaitu makanan yang baik dan pendidikan yang baik. Oleh itu, menjadi tugas dan tanggungjawab ibu bapa melaksanakannya dengan baik.

Dalam satu hadis yang lain Rasulullah bersabda yang bermaksud; "Wanita dinikahi kerana empat faktor, yakni kerana kekayaannya, kedu-

mampu menjaga dan mendidik anak-anaknya, negara menghadapi kesulitan menjaga anak itu di jalanan.

Hal inilah yang menyebabkan anak-anak menjadi Mat Rempit, terbabat dengan perlumbaan haram dan salah guna dadah.

Perkahwinan yang sah dapat melahirkan zuriat dan keturunan yang berpanjangan. Selain itu, perkahwinan juga menjadikan suami isteri mampu memikul beban keluarga dengan penuh rasa tanggungjawab serta dapat mengelakkan gelodak mata dan nafsu syahwat.

Rasulullah bersabda; "Se-siapa kahwin (beristeri) maka dia telah melindungi (menguasai) separuh agamanya. Oleh itu, hendaklah dia bertakwa kepada Allah dalam memelihara yang separuhnya lagi." (Riwayat Al Hakim dan Ath Thahawi).

Dalam melayari bahtera rumah tangga, setiap pasangan mestilah bertakwa kepada Allah, bertanggungjawab terhadap rumah tangga, memperbanyakkan amal kebaikan untuk keluarga, menunjukkan akhlak yang baik, sederhana dalam berbelanja, mengelakkan hutang.

Mempraktikkan jiwa yang mulia dengan kasih sayang yang berpanjangan kepada setiap ahli keluarga terutamanya anak-anak dan isteri.

Antara suami dan isteri ha-

dukannya, kecantikannya dan agamanya. Pilihlah yang beragama agar berkat kedua-dua tanganmu." (Riwayat Muslim).

Keberkatan dalam rumah tangga banyak bergantung pada pegangan agama kedua-dua pasangan. Oleh itu, pendidikan agama meliputi keimanan, akidah, ibadat dan akhlak mestilah dilakukan sejak seseorang masih kecil diteruskan di peringkat remaja dan dimantapkan di peringkat rumah tangga dan dewasa.

Tokoh pemikir Islam, Ibnu Khaldun menyatakan perpaduan sosial dan perpaduan dalam rumah tangga bukan sekadar perhubungan bersama di kalangan ahli keluarga dan masyarakat, tetapi sebaliknya lahir daripada kepentingan bersama mereka. Keperluan individu dan pembahagian tugas dalam rumah tangga penting dalam mengekalkan keharmonian.

Pendapat orang-orang tua dulu mengatakan, apabila orang tua iaitu ibu bapa tidak

rus terjalin perasaan cinta dan kasih sayang yang berpanjangan. Cinta bersifat subjektif, iaitu untuk kepentingan yang mencintai, sedangkan kasih sayang bersifat objektif, iaitu untuk kepentingan yang disayangi.

Suami jangan berfikir untuk menceraikan isteri atau sering mengancamnya dengan perceraian. Jangan mempermainkan ucapan 'cerai' kerana menurut agama ucapan itu boleh ditetapkan sebagai ucapan serius.

Sesungguhnya, ikatan suami isteri adalah permulaan kepada pembentukan keluarga dan zuriat yang seterusnya membina masyarakat yang utuh.

Nasihat : menasihati dan memberikan pedoman oleh kedua-dua ibu bapa kepada pasangan pengantin baru penting ke arah kebaikan tanpa mencampuri urusan keluarga anak-anak mereka. Pengikat cinta yang kekal dalam rumah tangga mestilah bermula kepada cinta kepada Allah dan rasul-Nya dan rasa syukur kepada-Nya.